

**Tanjak : Warisan Yang Kian Hilang**

Muhammad Aiman Muqri Mansor  
Nur Aida Syazwani Jasri  
Abdul Rahman Ahmad

**Fakulti Pengurusan Maklumat**  
**UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana**  
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

**Abstrak**

*Dalam arus pemodenan ini, perubahan bukan sahaja dari segi pembangunan, malahan dari segi gaya pemakaian di kalangan masyarakat. Maka, individu yang tidak mengikuti gaya semasa akan dianggap ketinggalan zaman oleh orang sekeliling. Tanjak merupakan salah sebuah hiasan yang dipakai di kepala orang Melayu yang kini semakin asing dalam masyarakat kita. Hal ini dapat dibuktikan apabila amat sukar untuk kita melihat pemakaian warisan tanjak oleh masyarakat Melayu pada hari ini kecuali pada hari – hari istimewa seperti pada hari perkahwinan, dan pakaian bagi kerabat diraja. Hal ini menyebabkan ramai yang tidak didedahkan mengenai warisan seni pemakaian tanjak, serta fungsinya. Dalam penyelidikan ini, kajian akan dijalankan mengenai warisan seni pembuatan tanjak menggunakan beberapa kaedah termasuklah menggunakan kaedah sesi temu bual bersama seorang tokoh iaitu Encik Mohd Yatim bin Mustaffa, sebagai sumber lisan. Dalam artikel ini, sejarah, cara pembuatan, serta fungsi sebuah tanjak dapat dirungkai serta menyimpan maklumat berkaitan warisan budaya masyarakat Melayu ini.*

**Kata kunci :** Tanjak, Melayu, Pakaian, Perkahwinan

**Abstract**

*In modernization, times have changed in terms of development and also the way of society. So, anybody that did not follow the trend will be considered as outdated by society. Tanjak is one of the decorations used to wear on the head by the Malay society which becomes hard to see in the society. This can prove when it is too hard for us to watch any Malay society wearing Tanjak nowadays except for the special day such as on the wedding day, and the clothing for the*

*royalty. This makes Tanjak unexposed about the heritage of Tanjak, and also the functions of it. In this study, research will be held about the heritage of Tanjak using few methods including interviewing a figure, Mohd Yatim Bin Mustaffa, as an oral source. In this article, the history, methods, and also function of the Tanjak will be revealed and keep the information of the Malay people's heritage.*

**Keywords :** *Tanjak, Malay, Custom, Marriage*

## **PENGENALAN**

Tanjak, destar, atau lebih dikenali oleh masyarakat kini dengan panggilan tengkolok, merujuk kepada sebuah pakaian atau hiasan yang dipakai di kepala orang Melayu. Tanjak digunakan secara harian di kalangan masyarakat bagi golongan lelaki pada zaman dahulu yang berfungsi untuk melindungi kepala pemakai daripada elemen cuaca, selain bertindak bagi menunjukkan status terutamanya di kalangan kerabat diraja. Berbeza pada masa kini, di mana tanjak tidak lagi menjadi kebiasaan dan hanya dipakai oleh hanya kerabat diraja untuk majlis istimewa dan hari kebesaran seperti pertabalan, manakala ianya juga dipakai oleh segelintir individu terutama di hari perkahwinan serta hari raya. Dengan pelbagai faktor seperti perubahan gaya hidup, keperluan peribadi dan profesyen, tanjak dilihat hilang signifikan dalam masyarakat serta menjadi asing. Sesuatu perlu dilakukan agar warisan ini kekal hidup dalam masyarakat, terutamanya di kalangan masyarakat Melayu.

Ramai masyarakat umum yang tidak didedahkan mengenai sejarah pembuatan tanjak. Malah, ada juga yang tidak tahu apakah fungsi tanjak itu sendiri. Kebanyakan individu yang memakai tanjak juga sekadar sebagai fesyen, dan bukanlah atas kerana fungsi sebenar tanjak itu. Mungkin juga mereka yang tidak mengambil tahu mengenai fungsi tanjak ini menyebabkan mereka tidak berminat untuk memakai pakaian warisan ini.

Penyelidikan telah dijalankan melalui kaedah sejarah lisan yang melibatkan sesi temubual bersama seorang tokoh iaitu Mohd Yatim bin Mustaffa bagi mendapatkan maklumat mengenai persoalan – persoalan yang timbul dalam seni pembuatan tanjak ini. Tokoh terlibat merupakan seorang penggiat aktif dalam seni pembuatan tanjak. Beliau telah pun bergiat dalam

bidang seni pembuatan tanjak selama lebih dari 26 tahun, dan mempunyai pengalaman yang banyak mengenai sejarah, dan juga selok belok lipatan dan jenis – jenis tanjak yang digunakan.

### **PERMASALAHAN KAJIAN**

Walaupun tanjak masih lagi dapat dilihat pemakaiannya oleh segelintir masyarakat, namun masih terdapat beberapa persoalan yang perlu dikaji. Masih terdapat sebilangan di kalangan masyarakat yang kurang didedahkan mengenai sejarah tanjak, terutamanya mengenai konsep pemakaian tanjak, golongan yang terbabit, salah faham berkaitan tanjak serta faktor yang mendorong masyarakat melayu meninggalkan tanjak daripada cara pemakaian mereka.

Beberapa faktor boleh dikaitkan dengan keengganan masyarakat terhadap pemakaian tanjak, terutamanya kebolehan untuk membentuk tanjak yang melibatkan kaedah lipatan yang agak rumit. Dalam hal ini, bukan setakat sahaja ramai yang kurang pengetahuan mengenai cara - cara pembuatan tanjak, malah ramai juga yang kurang pengetahuan mengenai bahan – bahan yang diperlukan bagi membuat sebuah tanjak. Kekurangan ini ditambah lagi oleh kekurangan sumber maklumat yang merekodkan maklumat sejarah serta kaedah teknikal berkaitan dengan penyediaan tanjak.

Adalah penting maklumat-maklumat ini dikaji menggunakan kaedah kajian yang sistematik agar menghasilkan dapatan yang dapat memenuhi keperluan ilmiah dan juga kemasyarakatan.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Penyelidikan ini dijalankan berdasarkan beberapa objektif yang telah ditentukan berdasarkan permasalahan yang terdapat dalam seni warisan pembuatan tanjak ini. Antara objektif penyelidikan adalah bagi mengkaji sejarah asal usul pembuatan tanjak. Hal ini supaya dapat membina semula peristiwa - peristiwa sejarah di negara kita. Hal ini demikian kerana sejarah yang tidak dikaji semula lama - kelamaan akan lapuk ditelan zaman.

Objektif yang kedua adalah untuk mengenal pasti cara pembuatan tanjak. Dengan mengkaji objektif ini, cara yang sebenar dan tepat untuk menghasilkan sebuah tanjak dapat dirungkai, selain dapat mengenal pasti sumber sejarah. Hal ini kerana sumber sejarah yang relevan amat penting bagi meningkatkan kualiti sesebuah penulisan, kerana tanpa sumber sejarah yang relevan akan menyebabkan hasil penulisan tersebut tidak kukuh.

Objektif yang ketiga adalah untuk mengkaji fungsi – fungsi tanjak. Kajian ini adalah bagi mendapatkan maklumat sahih mengenai fungsi sebenar sebuah tanjak, tanpa ditokok tambah oleh mana - mana pihak lain. Hal ini dapat meyakinkan masyarakat Melayu bahawa tanjak bukan sahaja dipakai di atas kepala sekadar bertujuan untuk fesyen semata - mata, tetapi juga berfungsi bagi memajukan penulisan sejarah oleh bakal - bakal penyelidik di masa hadapan. Hal ini kerana sumber sejarah dapat menyumbang sebagai rujukan kepada para penyelidik dalam kajian mereka.

### **PERSOALAN KAJIAN**

Antara persoalan yang timbul ketika kajian dijalankan adalah apakah sejarah yang terdapat dalam seni pembuatan tanjak? Dalam hal ini, kajian akan dijalankan bagi mengkaji apakah sejarah yang menyebabkan munculnya pemakaian tanjak ini dalam masyarakat Melayu.

Persoalan yang kedua adalah bagaimana cara atau kaedah untuk membuat tanjak? Dalam kajian ini, penyelidikan akan dijalankan bagi mengetahui cara-cara pembuatan yang betul untuk menghasilkan sebuah tanjak. Adakah ada cara lipatan yang berbeza dengan kaedah pembuatan tanjak pada zaman dahulu.

Persoalan yang terakhir adalah apakah fungsi yang terdapat pada pemakaian tanjak? Penyelidikan ini akan merungkai fungsi-fungsi sebenar yang terdapat dalam pemakaian tanjak ini. Hal ini adalah bagi mengetahui mengapa tanjak telah dijadikan sebagai pemakaian harian mereka dari golongan kerabat hingga ke golongan biasa.

**KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN**

Terdapat beberapa kepentingan dan sumbangan dalam menjalankan kajian sejarah lisan mengenai seni warisan tanjak. Antara kepentingan tanjak ialah dapat menyumbangkan kepada koleksi maklumat mengenai warisan negara. Tanjak perlu diberi nafas baharu agar menjadi tarikan semula terutamanya golongan muda di negara ini untuk menghargai serta menjadikan pemakaian tanjak sebagai elemen penting dalam gaya hidup mereka. Seterusnya dapat mempertingkatkan penggunaan tanjak sehingga diterima di peringkat antarabangsa. Ini penting agar tanjak diiktiraf sebagai warisan Melayu Malaysia dan tidak dituntut oleh orang lain.

Jika ini berlaku sudah pasti ianya dapat mengembangkan potensi ekonomi bersandarkan tanjak. Selain itu, seni warisan tanjak juga menyumbang kepada sumber ekonomi. Hasil dari pembuatan tanjak dapat dijual kepada pelanggan-pelanggan yang meminati seni warisan tanjak. Hal ini juga, menjadikan tanjak sebagai bahan mempromosi warisan. Tanjak juga boleh dijadikan sebagai sumber pendapatan sampingan kepada pembuat-pembuat tanjak serta memperluaskan lagi seni warisan tanjak ini kepada orang ramai.

Seni warisan tanjak dapat memelihara tamadun Melayu yang kian hilang pada masa kini. Pemakaian tanjak dapat memelihara seni warisan tanjak yang telah lama hidup. Seni warisan tanjak perlu dipelihara supaya adat dan budaya dalam kalangan masyarakat tidak dilupakan. Seni warisan tanjak juga merupakan permulaan tamadun yang telah lama wujud sejak zaman dahulu. Warisan tanjak memainkan peranan penting dalam membina tamadun supaya masyarakat pada masa akan datang dapat mengenali dan mempelajari seni warisan tanjak ini.

**TINJAUAN LITERATUR**

Tinjauan yang telah dibuat oleh kajian-kajian lepas, terdapat perbezaan dalam kepelbagaian kajian yang berkaitan dengan warisan Tanjak. Dalam kajian yang telah dijalankan, terdapat perbezaan dari segi dapatan kajian

mereka. Kajian mereka juga mempunyai tumpuan yang berbeza ke atas warisan tanjak ini.

Tanjak menurut Kamus Dewan dan Bahasa edisi keempat, tanjak didefinisikan sebagai kain yang diikat di kepala. Tanjak juga dikenali sebagai destar, tengkolok, bulang hulu dan setangan kepala yang merupakan pakaian yang dipakai oleh lelaki Melayu pada zaman dahulu. Oleh itu, tanjak mempunyai nama yang berbeza dengan fungsi yang sama.

Seterusnya, penggunaan tanjak yang digunakan haruslah bersesuaian dengan pemakainya. Menurut (Nadiya, O. 2019), menyatakan bahawa setiap kategori tanjak yang dipakai oleh beberapa kumpulan menandakan identiti individu tertentu dan orang biasa tidak boleh memakai jenis tanjak yang sama dengan tanjak Raja atau Sultan. Mereka yang ingin memakai tanjak perlu mempertimbangkan tujuan ikatan tanjak yang ingin mereka pakai. Hal ini kerana, tanjak tidak boleh dipakai sewenangnyanya kerana reka bentuk tanjak sarat dengan maksud yang tersirat.

Selain itu, tanjak mempunyai elemen tersendiri berdasarkan sifat keperibadian seseorang. Menurut (Mohd, Z. F. Z. 2018) dalam rencana *Media Permata: Seri Mahkota istimewa untuk Sultan Kedah* menjelaskan tanjak yang diberi nama 'Seri Mahkota' mempunyai lima elemen iaitu lima susun sirih, simpulan lipat sirih, layer kasih, tunas kasih dan lambang kuasa yang membawa maksud kebaikan dan sifat keperibadian Tuanku Sultan Kedah. Oleh itu, elemen tanjak dipengaruhi oleh keperibadian pemakai.

Di samping itu, pemakaian tanjak melambangkan status diri seseorang pemakai. Menurut (Dr. Huzaifah, Datuk H. 2019) dalam utusan akhbar *Bernama: Falsafah Melayu disebalik pemakaian dan ikatan tanjak*, menyatakan bahawa tanjak melambangkan identiti seseorang pemakai, dan dapat dilihat dari segi status, pangkat, asal usul dan juga peribadi pada zaman Kesultanan Melaka. Dari segi kategori, status tanjak juga dapat dilihat dan dibezakan. Tanjak orang biasa dalam kebiasaannya di layar ke kiri, manakala tanjak Sultan atau Raja dilayar ke sebelah kanan. Oleh itu, pemakaian tanjak bagi seseorang pemakai membawa maksud yang berbeza dan harus dipakai dengan cara yang betul bagi mengelakkan sebarang spekulasi.

Tanjak juga mempunyai fungsi pemakaian yang berbeza pada zaman dahulu dan zaman sekarang. Menurut (Freddie, A. J. 2019) menjelaskan tanjak telah dihasilkan dan digunakan sejak zaman Kesultanan Melaka. Tanjak berfungsi sebagai penutup kepala untuk menghadap raja. Tanjak yang dipakai hari ini memiliki lebih banyak fungsi dan dipakai dalam upacara yang penuh dengan upacara, seperti kerabat diraja dan tetamu yang menghadiri majlis kerajaan, dan dipakai oleh pengantin lelaki semasa pernikahan. Oleh itu, pemakaian Tanjak pada masa dulu dan sekarang telah berbeza mengikut peredaran zaman.

Menurut (Kasman, Y. 2014) dalam surat *akhbar Utusan Malaysia: Warisan Yang Semakin Hilang* menjelaskan secara terperinci bahawa tanjak mempunyai keistimewaannya sendiri dan perlu memperluas usaha untuk memperhebatkan seni pembuatan alat tradisional sedemikian rupa sehingga identiti budaya yang berharga ini tidak ditenggelam zaman. Hal ini menjelaskan bahawa seni warisan tanjak ini harus dipelihara sepanjang zaman.

Teknik lipatan dan pembuatan tanjak perlulah dari sumber yang tepat dan sahih. Menurut (Mohd, D. 2014) menjelaskan bahawa pengikat dan pembuat tanjak mempunyai ilmu serta kemahiran tanjak yang diwarisi secara turun-menurun dari pengikat tanjak yang terdahulu. Hal ini menjelaskan bahawa, pengikat dan pembuat tanjak amat menitikberatkan tentang pembuatan tanjak serta memelihara kemahiran yang ada.

Warisan tanjak juga boleh dijadikan sebagai sumber pendapatan harian. Menurut (Mohd, Z. F. 2019) menyatakan bahawa pembuatan tanjak telah menjadi sebahagian dari sumber pendapatannya selain mengisi masa lapang. Oleh itu, pembuatan tanjak dapat dijadikan sebagai pendapatan tambahan di samping memelihara dan menjaga seni warisan tanjak itu.

Selain itu, warisan tanjak perlu mendapat perhatian ramai dalam memelihara seni warisan ini. Menurut (Mohd, H. M. 2019) dalam surat *akhbar Bernama: Tanjak, tengkolok terus hidup dengan sentuhan moden* menyatakan bahawa demi memastikan Warisan sentiasa hidup, tanjak perlu dilestarikan dengan beberapa ciri moden yang sesuai seperti jenis kain dan

pemilihan warna yang boleh menarik minat orang muda. Hal ini penting bagi memelihara seni warisan yang masih ada pada masa kini.

Reka bentuk tengkolok terdapat pertambahan dan pengurangan dari segi bentuknya. Menurut (Salina, 2015) ilmu mengikat tengkolok tidak dapat diwariskan secara menyeluruh kerana pada zaman dahulu tiada catatan lisan yang lengkap. Oleh itu, jenis reka bentuk sesebuah tengkolok mungkin mempunyai perbezaan yang agak ketara. Tambahan, tanjak juga tidak ada maklumat yang tepat mengenai kaedah sejarah dan pembuatan di Malaysia.

## **METODOLOGI**

Kajian yang dijalankan adalah menggunakan kaedah sejarah lisan bersama tokoh. Kaedah sejarah lisan merupakan satu kaedah di mana penyelidikan telah dijalankan melalui sesi temubual secara langsung bersama tokoh. Hal ini adalah kerana kaedah sesi temubual akan mampu mendapatkan maklumat daripada tokoh dengan lebih tepat. Dalam hal ini, tidak akan ada maklumat yang akan ditokok tambah oleh mana-mana pihak lain. Menggunakan kaedah sejarah lisan ini, temubual yang direkod akan berfungsi bagi menyokong sejarah lisan sebagai bahan bukti dan juga dapat dijadikan sebagai bahan kajian kepada pengkaji – pengkaji di masa hadapan.

Tokoh dipilih berdasarkan kriteria beliau yang bergiat dalam bidang seni pembuatan tanjak ini secara aktif, dan sudah berkecimpung dalam bidang ini lebih dari 26 tahun. Tokoh Mohd Yatim bin Mohd Mustaffa, telah dilahirkan pada 29 April 1977 dan menetap di sebuah perkampungan dalam daerah Pokok Sena, Kedah. Beliau telah berjaya melanjutkan pelajaran sehingga ke GIATMARA Alor Setar, dalam bidang kursus Teknologi Fabrik, sebelum mula berminat terhadap aktiviti melipat tanjak. Encik Mohd Yatim telah berkahwin dengan Puan Mariah Saaban yang juga merupakan seorang tukang jahit untuk kegunaan bagi aktiviti kebudayaan dan juga perkahwinan.

Encik Mohd Yatim mula berminat untuk berkecimpung dalam bidang lipatan tanjak ni apabila beliau melihat sekumpulan orang yang membuat persembahan silat di sebuah majlis perkahwinan, di mana mereka mengikat tanjak masing-masing dengan sangat bergaya semasa membuat



persembahan. Dari situ, Encik Mohd Yatim mula cuba untuk mempelajari teknik ikatan tanjak, sehingga muncul minat terhadap bidang lipatan tanjak.

Prosedur yang digunakan dalam pengumpulan data adalah melalui temu bual. Menggunakan prosedur ini, temu bual yang dijalankan dibuat secara dua kali. Temu bual kali pertama diadakan bagi mengenali dengan tokoh secara lebih teliti. Selain itu, tujuan temu bual kali pertama dilakukan adalah untuk memastikan bahawa tokoh masih mengingati pengalaman, dan tidak mempunyai sebarang masalah untuk menjawab soalan – soalan yang disoal, dan juga memberi tokoh masa untuk menyesuaikan diri dan selesa untuk di temubual. Bagi sesi temu bual kali kedua, temu bual akan diadakan secara lebih rasmi, dan akan menyoal soalan mengenai hasil maklumat yang didapati pada temu bual yang pertama.

Bagi proses pengumpulan data kajian, kaedah yang digunakan adalah melalui catatan, dan juga rakaman video. Sebelum rakaman dijalankan, sesi perbincangan bersama tokoh diadakan bagi memilih tempat yang sesuai bagi rakaman dilakukan supaya tiada gangguan yang akan berlaku ketika sesi temu bual dijalankan. Rakaman video yang akan dijalankan adalah sepanjang temu bual dijalankan, iaitu berdurasi selama dua jam. Platform yang digunakan bagi sesi temubual bersama tokoh adalah secara bersemuka atas persetujuan bersama tokoh. Platform ini telah dipilih kerana dengan cara bersemuka, bagi melihat reaksi wajah tokoh secara lebih teliti, dan tokoh akan lebih berminat untuk menceritakan pengalaman beliau.

## **HASIL KAJIAN**

### **Awal pengenalan tanjak**

Hasil kajian mendapati bahawa permulaan sejarah pemakaian tanjak telah bermula sejak dari zaman Kesultanan Melayu Melaka. Tanjak merupakan hiasan kepala yang diikat di kepala lelaki Melayu pada zaman dahulu. Tanjak juga merupakan pakaian yang dipakai oleh Raja-raja Melayu pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Tanjak pada zaman dahulu dipakai dengan pakaian lengkap busana Melayu yang menampakkan ciri-ciri seorang pemimpin.

Menurut Encik Mohd Yatim, pemakaian tanjak bermula sejak dari pemerintahan Sultan Abdul Halim iaitu tanjak 'Dendam Tak Sudah' yang dibawa balik oleh Sultan Abdul Halim dari Negeri Sembilan. Selepas kemangkatan beliau, Sultan Salahuddin ditabalkan menjadi Sultan Negeri Kedah. Pemakaian tanjak semasa pemerintahan Sultan Salahuddin telah dirombak untuk menunjukkan perbezaan bagi setiap pemakai.

### **Teknik lipatan asas tanjak**

Teknik lipatan tanjak mempunyai asas teknik yang tersendiri. Proses awal permulaan lipatan tanjak perlu menyediakan kain tengkolok yang mempunyai alas dalam tanpa gam. Kemudian, kain tengkolok diratakan supaya tiada permukaan yang timbul atau menggelembung. Proses kedua, ukuran tiga jari digunakan dan diletakkan di permukaan tengah kain tengkolok.

Setelah selesai mengukur, lurutkan permukaan hingga ke penjuru. Hal ini untuk memastikan setiap lipatan mempunyai ukuran yang sama. Proses ketiga, lipatkan ukuran tiga jari ke atas sehingga puncak dan tinggalkan sejengkal. Setelah selesai proses lipatan, kain tengkolok diletakkan di lutut untuk ukur lilit kepala kerana ukur lilit kepala dan lutut mempunyai persamaan.

Selain itu, teknik asas lipatan tanjak juga perlu dihormati dan dipelihara dari segi cara pembuatan dan pemakaian sesebuah tanjak. Bagi pembuatan tanjak, mereka perlulah mempunyai ilmu dan kemahiran yang tepat atau dari sumber rujukan yang sahih tentang cara lipatan tanjak yang betul. Pembuatan tanjak tidak boleh dibuat sesuka hati mengikut gaya tersendiri kerana tanjak membawa maksud yang berbeza mengikut jenis tanjak yang dibuat. Pemakaian tanjak juga perlu lah dengan cara yang betul kerana pemakaian tanjak terdapat pebezaan mengikut pemakainya.

### **Keistimewaan tanjak**

Tanjak juga mempunyai keistimewaan yang tersendiri seperti hasil seni yang dapat dipertontonkan kepada masyarakat. Tanjak merupakan hasil seni yang boleh dilihat dengan jelas kerana terdapat perbezaan pada setiap jenis ikatan sesebuah tanjak. Ikatan sesebuah tanjak membawa maksud tertentu

dan nilai yang tersendiri. Seni ikatan tanjak juga boleh menjadikan seseorang pemakai lebih yakin dengan pemakaian tanjak.

Selain itu, penciptaan tanjak juga mempunyai keistimewaan dari bentuk dan lipatannya yang berbeza juga mempunyai nilai estetika yang dapat dibanggakan. Bentuk tanjak diilhamkan daripada pelbagai jenis sumber seperti alam sekitar, sifat peribadi seseorang dan keadaan yang mempengaruhi bentuk tanjak. Menurut Menteri Laksamana Alias Zakaria(2019), menyatakan bentuk tanjak yang pernah dipakai oleh Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan menunjukkan simbol keagamaan beliau dan kedudukannya sebagai ketua agama.

### **Fungsi tanjak**

Hasil kajian juga mendapati bahawa tanjak mempunyai fungsi untuk menutup kepala dan sebagai hiasan kepala. Hal ini menjelaskan bahawa, tanjak yang dipakai oleh kerabat diraja dan orang biasa pada zaman Kesultanan Melayu Melaka mempunyai fungsi yang sama iaitu untuk menutup kepala supaya tampil lebih kemas untuk menghadap kerabat diraja. Fungsi tanjak telah menunjukkan perbezaan mengikut peredaran masa. Tanjak juga boleh dijadikan sebagai hiasan kepala yang dipakai oleh pengantin dalam majlis perkahwinan dan juga dipakai oleh orang ramai dalam majlis keraian di istana.

Seterusnya, tanjak merupakan alat pengenalan diri bagi seseorang pemakai. Tanjak yang dipakai pada zaman Kesultanan Melayu Melaka melambangkan status, pangkat dan asal usul pemakainya. Tanjak merupakan tanda pengenalan diri yang penting kerana masyarakat pada masa itu tidak ada kad pengenalan diri untuk memperkenalkan diri mereka kepada orang ramai. Oleh itu, mereka memakai tanjak yang bersesuaian untuk menunjukkan status, pangkat, darjat dan kepribadian mereka.

### **KESIMPULAN**

Tidak disangkal lagi bahawa warisan tanjak merupakan satu warisan yang telah lama dicipta dan digunakan sejak zaman dahulu lagi. Pemakaian tanjak telah mendapat perhatian ramai orang pada masa kini di serata tempat

dengan cara pemakaian yang tersendiri. Tanjak juga merupakan perhiasan yang amat menarik buat dipakai di atas kepala serta menjadikan pemakai lebih berkeyakinan dengan memakainya. Pemakaian tanjak pada zaman dahulu dan sekarang mempunyai fungsi yang berbeza kerana pemakaiannya agak mudah dan santai pada masa kini. Tanjak pada zaman dahulu berfungsi sebagai alat menutup kepala dan juga sebagai alat pengenalan diri kepada orang lain, manakala pemakaian tanjak pada masa kini dipakai ketika aktiviti kebudayaan dan kesenian seperti majlis perkahwinan yang telah menjadi satu ikutan yang tidak lagi asing di kalangan masyarakat Melayu sekarang. Oleh itu, tanjak perlulah dipelihara tanpa menimbulkan masalah yang tidak patut terjadi supaya dapat menarik perhatian lebih ramai orang untuk memakai tanjak serta dapat mewujudkan semula pemakaian tanjak dalam kalangan rakyat biasa.

## RUJUKAN

- Abdullah Wan Yahya Abdullah. 2004. *Destar warisan Malaysia: koleksi terpilih*. Kuala Lumpur: Penerbit Jabatan Muzium dan Antikuiti.
- Andatar Haji Zulkeply. 2014. *Destar Negeri Sembilan*. Temu bual, 26 Februari
- Azah Aziz. 2006. *Rupa dan gaya: busana Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Arkib Negara Malaysia. *Tanah Melayu Dari Segi Sejarah*. (31 Ogos 1964).
- Arkib Negara Malaysia. *Use of The Tengkolok by Penghulus and Ketua Kampong*. (28 Julai 1926).
- Ahmad, M.A.M. (2019, Mac 9). *Falsafah Melayu disebalik pemakaian dan ikatan tanjak*. Dimuat turun daripada, <http://youth.bernama.com/v2/news.php?id=1763431>
- Bernama. (2019, Jun 11). *Tanjak, tengkolok terus hidup dengan sentuhan moden*. Dimuat turun daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/31947/BERITA/Nasional/Tanjak-tengkolok-terus-hidup-dengan-sentuhan-moden>
- Freddie, A. J. (2019, April 26). *Perak Punyai WarisanTengkolok Paling Cantik*. Dimuat turun daripada, <https://www.orangperak.com/perak-punyai-warisan-tengkolok-paling-cantik.html>
- Hasnah, J. (2018, Oktober 20). *'Seri Mahkota' istimewa untuk Sultan Kedah*. Dimuat turun daripada <https://mediapermata.com.bn/seri-mahkota-istimewa-untuk-sultan-kedah/>
- Manan, Salina & Haron, Hamdzun & Ramli, Zuliskandar & Ismail, Noor & ALI, MOHD & Hamzah, Azni. (2015). *Pengikat tengkolok kesultanan Perak Darul Ridzuan*. Dimuat turun daripada

[https://www.researchgate.net/publication/305284548\\_Pengikat\\_tengkolok\\_kesultanan\\_Perak\\_Darul\\_Ridzuan](https://www.researchgate.net/publication/305284548_Pengikat_tengkolok_kesultanan_Perak_Darul_Ridzuan)

- Mariatul, Q. Z. (2014, Ogos 18). *Warisan Yang Semakin Hilang*. Dimuat turun daripada, [https://myrepositori.pnm.gov.my/bitstream/123456789/2161/1/Tengkolok\\_WarisanMelayu.pdf](https://myrepositori.pnm.gov.my/bitstream/123456789/2161/1/Tengkolok_WarisanMelayu.pdf)
- Nadiya, O. (2019, September 19). *Tanjak Dan Tengkolok Kalau Salah Pakai Boleh Melanggar Adat?* Dimuat turun daripada, <https://soscili.my/tanjak-tengkolok-dan-destar-apa-beza-dan-maksud-pemakaiannya/>
- Siti, Z. M. I. (2019, Ogos 8). *Tengkolok Diraja 'Dendam Tak Sudah' Berkisar Kehidupan Manusia*. Dimuat turun daripada <https://www.bisnessinar.com/usahawan/start-up/tengkolok-diraja-dendam-tak-sudah-berkisar-kehidupan-manusia/>
- Tanjak lambang jati diri, keperibadian Melayu* (2019, Ogos 25). Dimuat turun daripada <https://berita.mediacorp.sg/mobilem/dunia/tanjak-lambang-jati-diri-keperibadian-melayu/4327314.html>
- Manan, Salina & Haron, Hamdzun & Ramli, Zuliskandar. (2020). *TENGGKOLOK SEBAGAI HASIL SENI RUPA MELAYU*. Dimuat turun daripada, [https://www.researchgate.net/publication/346445241\\_TENGGKOLOK\\_SEBAGAI\\_HASIL\\_SENI\\_RUPA\\_MELAYU/citation/download](https://www.researchgate.net/publication/346445241_TENGGKOLOK_SEBAGAI_HASIL_SENI_RUPA_MELAYU/citation/download)
- Liza, Salina, Azni, Noor & Mohd. (2016). *Keindahan Tengkolok Getam Pekasam Warisan Kesultanan Perak Darul Ridzuan*. Dimuat turun daripada, [https://www.academia.edu/31128321/Keindahan\\_Tengkolok\\_Getam\\_Pekasam\\_Warisan\\_Kesultanan\\_Perak\\_Darul\\_Ridzuan](https://www.academia.edu/31128321/Keindahan_Tengkolok_Getam_Pekasam_Warisan_Kesultanan_Perak_Darul_Ridzuan)